

23 SEP 1996

Mahathir - Formula 1

MALAYSIA SERTAI SIRKIT LUMBA KERETA FORMULA ONE DUNIA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

LISBON, 23 Sept (Bernama) -- Sah. Lumba kereta Formula One -- lumba kereta berprestij di dunia akan menemui peminat di Malaysia buat julung kalinya pada 1999.

Presiden Persatuan Penaja Formula One (FOCA), Bernie Ecclestone setuju dengan permintaan Malaysia untuk menyertai sirkit dunia itu dan mengadakan grand prix sulungnya tiga tahun dari sekarang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di sini untuk menyaksikan Grand Prix Formula 1 Grande Premio de Portugal memberitahu wartawan Malaysia bahawa Ecclestone telah menemuinya untuk menyampaikan persetujuan FOCA itu.

FOCA merupakan badan tertinggi lumba kereta Formula One -- ia berunding dengan para penganjur perlumbaan dan mengendalikan semua hal ehwal logistik dan perdagangan, termasuk hak liputan tv.

Dr Mahathir berkata satu kawasan seluas 400 hektar berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang telah diperuntukkan bagi pembinaan litar Formula One Malaysia.

Malaysia Airports Berhad (MAB) sedang melaksanakan projek itu menerusi anak syarikatnya, Bersama Raya.

Butir-butir lanjut mengenai projek itu masih belum diketahui tetapi ia dianggarkan membabitkan pelaburan RM150 juta. Perunding Jerman akan dilantik untuk membantu pembinaan litar 5.6 kilometer itu mengikut spesifikasi antarabangsa.

Menerangkan asas kemasukan negara dalam perlumbaan Formula One, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu menjadikannya lebih terkenal di dunia dan ini dapat dilakukan menerusi penyertaan dalam sukan yang dapat menarik lebih 300 juta orang penonton tv pada setiap kali diadakan.

Terdapat 16 perlumbaan Formula One diadakan dalam setahun, ini bermakna penonton tv sebanyak satu ribu juta orang," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dikelilingi jiran-jiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura yang memang sudah terkenal. Bagaimanapun, Malaysia kurang dikenali dan terdapat kejadian di mana surat-surat yang dialamatkan ke Malaysia telah dihantar ke Malawi di Afrika.

Sesetengah orang telah bertanya sama ada Malaysia berada dalam China atau terletak dekat dengan Singapura.

"Kita rasa kita adalah sebuah negara yang tersendiri dan kita seharusnya telah dikenali. Satu cara untuk menjadikan kita dikenali ialah menerusi publisiti ... lumba kereta Formula One memberikan kita peluang itu," katanya.

Perdana Menteri berkata lumba kereta Formula One membabitkan kejuruteraan yang sofistikated terutama dalam pembuatan enjin kereta yang boleh diterokai bagi pengeluaran komersil.

Beliau berkata meskipun kereta nasional Proton kini mempunyai kandungan tempatan 80 peratus, Malaysia masih belum memiliki teknologi untuk merekabentuk, membuat atau menguji enjin-enjin kereta.

"Melalui penglibatan kita dalam lumba kereta Formula One, akan wujud peluang bagi kita untuk belajar," katanya.

Dr Mahathir berkata di litar Estoril di Lisbon beliau berpeluang melihat bagaimana prestasi enjin diawasi di komputer menerusi isyarat yang dihantar oleh radio sedang kereta memecut pada kelajuan 200 ksj di atas litar.

Proton boleh menimbang menggunakan teknologi itu manakala satu lagi

peluang yang ditawarkan oleh Formula One ialah bagi Petronas memajukan sejenis minyak pelincir untuk digunakan oleh kereta-kereta lumba Formula One.

"Ini merupakan satu ganjaran kepada kewibawaan Petrona dalam pengeluaran minyak pelincir," katanya.

Mengenai kemungkinan Malaysia mengeluarkan kereta Formula One, Dr Mahathir berkata perkara itu perlu difikirkan dahulu.

"Kita tidak boleh kata kita tidak buat itu dan ini. Apabila terdapat peluang untuk belajar sesuatu, kita perlu mengambil peluang itu. Kita tidak boleh selamanya bergantung kepada orang lain untuk mendapat teknologi. Jika boleh kita perlu mengusahakan teknologi kita sendiri," tambahnya.

"Mungkin ia membabitkan kos tetapi kita kena ingat apabila kita beli teknologi dari orang lain ia juga melibatkan kos."

Dr Mahathir yakin rakyat Malaysia akan memberi sokongan terhadap lumba kereta Formula One seperti yang dapat dilihat dengan kehadiran ramai penonton di litar Shah Alam yang menganjurkan grand prix lebih kecil pada masa lepas.

Petronas adalah penaja teknikal pasukan Ford Red Bull Sauber dari Switzerland yang mengambil bahagian dalam Grand Prix Formula One di Estoril pada hari Ahad.

Dua kereta pasukan itu dipandu oleh Johnny Herbert dari England dan Heinz-Harald Frentzen dari Jerman. Frentzen menduduki tempat ke-7 dan Herbert ke-8 dalam perlumbaan yang dimenangi oleh Jacques Villeneuve dari Kanada.

Perdana Menteri Portugal Antonio Guterres menyampaikan hadiah kepada para pemenang manakala Dr Mahathir yang menemaninya diberi penghormatan untuk menyampaikan piala penaja.-- BERNAMA

SJ OBA